

32,810 unit kediaman bernilai RM19.76b tak terjual

KUALA LUMPUR 23 Sept. - Bilangan kediaman tidak terjual di negara ini meningkat kepada 32,810 unit 1.5 peratus pada separuh pertama tahun ini dengan bernilai RM19.76 bilion.

Menurut Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sebanyak 43 peratus unit tidak terjual terdiri daripada kondominium dan apartmen berharga RM200,000 ke RM300,000 terutamanya di Perak.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ir. Amiruddin Hamzah berkata, penunjuk seperti itu penting untuk memastikan bahawa bekalan rumah yang konsisten dengan permintaan supaya ketidakpadanan dapat dikurangkan.

"Saya mengesyorkan bahawa kedua-dua pemaaju dan pihak berkuasa yang meluluskan projek pembangunan dan harga hartanah memberi perhatian kepada data rumah tidak terjual ini.

"Amat penting bagi pemaaju dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memastikan rumah yang dibina mampu memenuhi permintaan pada harga yang berpatutan kepada pembe-



KADAR sambutan terhadap program perumahan mampu milik kerajaan adalah rendah meskipun terdapat permintaan. - **GAMBAR HIASAN**

li," katanya dalam taklimat pasaran hartanah separuh pertama 2019 di sini.

Pada separuh pertama 2019, sektor hartanah merekodkan 160,172 transaksi bernilai RM68.3 bilion, peningkatan sebanyak 6.9 peratus berbanding separuh pertama 2018, yang mencatatkan 149,862 transaksi bernilai RM67.74 bilion.

Rumah kediaman terus memacu sektor hartanah secara keseluruhan dengan 62.4 per-

atus pegangan pasaran, diikuti oleh hartanah pertanian dengan 21.6 peratus pegangan.

Prestasi di seluruh negeri bertambah baik dalam tempoh kajian, semuanya mencatatkan jumlah pasaran yang lebih tinggi kecuali Wilayah Persekutuan dan Perak.

Semua subsektor harta tanah iaitu kediaman, komersil, industri, pertanian dan tanah pembangunan mencatat peningkatan dalam aktiviti transaksi pada separuh pertama 2019. Jumlah

INFO

- **99,922** transaksi bernilai **RM34.65 bilion** direkodkan pada separuh pertama 2019.
- Semua negeri mencatatkan jumlah pasaran yang lebih tinggi kecuali WP Labuan dan Perak.
- Aliran menaik di negeri utama iaitu **Kuala Lumpur (7.0%), Selangor (5.8%), Johor (1.2%) dan Pulau Pinang (0.5%)**.
- Terdapat **23,591** unit baharu dilancarkan pada 1H2019

turun **49.4%** berbanding **46,617** unit pada separuh pertama 2018.

- Rumah teres menguasai pelancaran baru
- Aktiviti pembinaan menunjukkan prestasi menurun
- Indeks Harga Rumah Malaysia terus meningkat pada aliran sederhana

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

nilai transaksi juga berada di aliran yang sama bagi kediaman, industri dan tanah pertanian.

Subsektor kediaman terus memacu pasaran dengan menguasai lebih 60 peratus daripada jumlah transaksi. Begitu juga dari segi nilai, subsektor kediaman masih menguasai hampir 51 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Bagaimanapun, di pasaran utama, bilangan pelancaran baharu pada separuh pertama 2019 agak ketinggalan daripada

yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Terdapat 23,591 unit yang dilancarkan, menguncup sebanyak 49.4 peratus berbanding 46,617 unit dalam pada separuh pertama 2018.

Rumah teres menguasai pelancaran baharu meliputi dua jenis satu tingkat (5,340 unit) dan dua hingga tiga tingkat (6,449 unit) menyumbang 50 peratus daripada jumlah unit, diikuti unit kondominium dan pangsapuri sebanyak 35 peratus (8,312 unit).